

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. nama syarikat yang memiliki aset pesawat-pesawat MAS; dan
- b. kepada pihak mana pesawat-pesawat tersebut telah dipajakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysian Airline System Bhd (MAS) pada masa ini beroperasi dengan 88 buah pesawat, antaranya B737-800, B777-200 dan A330-300. Antara pembiaya bagi perolehan

pesawat-pesawat tersebut adalah Penerbangan Malaysia Berhad (PMB), Turus Pesawat Sdn Bhd, EXIM Bank Malaysia, DVB Bank dan Pembroke Group. Walau bagaimanapun, maklumat terperinci berkaitan pajakan pesawat-pesawat tersebut tidak dapat didedahkan kerana tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan dalam terma dan syarat perjanjian yang telah ditandatangani dengan syarikat-syarikat berkenaan.